



**PERSIDANGAN Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang berlangsung semalam.**

# NS raih RM7.25 bilion pelaburan tahun lalu

## SIDANG DUN N. SEMBILAN



- **Sebanyak 208 projek baharu diluluskan DUN**
- **Sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor utama**

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

**SEREMBAN** – Kerajaan Negeri berjaya meraih RM7.25 bilion jumlah pelaburan pada tahun 2024 dengan 208 projek telah diluluskan di Negeri Sembilan.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun (**PKR-Sila-**

**mat**) berkata, jumlah pelaburan tersebut adalah meliputi sektor pembuatan, perkhidmatan dan sektor utama dari pelbagai Kementerian.

Katanya, Negeri Sembilan telah mencatat jumlah pelaburan asing pada tahun 2024 sebanyak RM3.4 bilion bersamaan 46.9 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan.

"Antara projek-projek pelaburan asing yang berteknologi tinggi menyumbang terhadap jumlah pelaburan tersebut adalah Projek pembesaran Safran Landing Systems (RM0.65 bilion) dari Perancis; Projek baru Fraser and Neave (RM1.8 bilion) (AS / Singapura); Projek baru AntMed Malaysia (RM0.7 bilion) (China); Projek baru MyNAFCO Malaysia (RM0.3 bilion) (Taiwan) dan Projek pembesaran Shin Heung Sec (RM0.1 bilion) dari Korea Selatan.

"Sepanjang tempoh 2019 sehingga Disember 2024, jumlah keseluruhan pelaburan asing di

Negeri Sembilan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi adalah sebanyak RM24.1 bilion," katanya pada Pertanyaan Lisan (Hari Ketiga) Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-15 di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan dari Datuk Seri Mohamad Hasan (**BN-Rantau**) yang diwakili Datuk Mohd. Zaidy Abdul Kadir (**BN-Jeram Padang**) berkaitan jumlah pelaburan langsung Pelaburan Asing di negeri ini sehingga Disember 2024 dan juga Januari hingga Februari 2025.

Bagaimanapun, Aminuddin berkata, bagi jumlah pelaburan daripada bulan Januari hingga Februari 2025, data rasmi daripada pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia masih belum diumumkan lagi.

"Dijangka data pelaburan bagi suku pertama 2025 akan diumumkan Mei tahun ini," katanya.